

NO. SOALAN: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN
MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 31 MAC 2015

SOALAN : 20

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bersedia untuk menjadikan negara Malaysia sebagai sebuah negara yang bebas daripada nuklear sekaligus membatalkan cadangan di bawah Program Transformasi Ekonomi untuk membina loji nuklear dan menggubal undang-undang yang tegas untuk tujuan itu.

JAWAPAN

**: (OLEH YB DATO MAH SIEW KEONG,
MENTERI DI JPM)**

Tuan Yang di-Pertua,

Siri kajian yang sedang dilaksanakan ini di bawah Projek Permulaan, atau, dengan izin, *Entry Point Project* (EPP), kesebelas di bawah sektor Minyak, Gas dan Tenaga (OGE) dalam Program Transformasi Ekonomi (ETP) adalah untuk meneliti kesesuaian penggunaan tenaga nuklear bagi membantu memenuhi permintaan tenaga, khususnya tenaga elektrik negara untuk tempoh jangka panjang.

Penilaian sumber tenaga negara untuk tempoh jangka panjang perlu mengambilkira semua jenis sumber tenaga.

Hak negara untuk memilih sama ada untuk menggunakan tenaga nuklear adalah termaktub dalam Triti Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara. Triti tersebut hanya bertujuan untuk membebaskan rantau Asia Tenggara daripada senjata nuklear, dan bukannya tenaga nuklear.

Sekian, terima kasih.